

TARIKH : 23 MAC 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Ekonomi tahun ini kekal kukuh

Ekonomi tahun ini kekal kukuh

PETALING JAYA - Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menegaskan keadaan ekonomi negara bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan tahun ini diyakini kekal kukuh dan stabil meskipun berdepan pelbagai cabaran termasuk ketidakstabilan ekonomi global.

Beliau berkata, ia berikutan data yang ditunjukkan bahawa semua sektor ekonomi negara telah pulih kecuali pertanian.

"Berdasarkan unjuran dan data prestasi ekonomi (Malaysia) sekarang, insya-Allah tidak akan menjadi lebih teruk daripada za-

man (Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin) menjadi Perdana Menteri.

"Jadi, kalau Pagoh mengatakan bahawa keadaan pada tahun ini akan menjadi lebih teruk daripada sebelum ini, data-data ekonomi yang ada itu tidak menyokong apa yang disebut Pagoh," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin (**PN-Pagoh**) yang memintanya menyatakan langkah lain diambil kerajaan untuk pemulihan ekonomi perusahaan kecil dan

sederhana (PMKS).

Mengulas lanjut, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, asas utama kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan pakej rangsangan ekonomi atau bantuan seumpamanya adalah disebabkan tidak mahu negara terus dibebani hutang.

"Walaupun Pagoh mengatakan kerajaan boleh memperuntukkan RM200 hingga RM300 bilion (untuk pakej rangsangan ekonomi) tetapi (Pagoh) tidak sedar bahawa kami terpaksa mewarisi satu beban hutang yang besar," katanya.